

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
HUKUM AKAD NIKAH WALI MUJBIR YANG MENGANUT AJARAN SESAT**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' ( Fatwa ) Negeri Selangor telah diminta untuk mengeluarkan fatwa mengenai adakah sah akad nikah yang diwalikan oleh Wali Mujbir yang terlibat dengan ajaran yang telah difatwakan sebagai ajaran sesat.

**2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' ( Fatwa ) Negeri Selangor telah membincangkan perkara di atas dengan teliti dan mengikut hukum yang mu'tabar dalam Islam. Keputusannya adalah seperti berikut :

**“ Jawatankuasa Fatwa yang bersidang kali ke 4/98 memutuskan hukum akad nikah samasa wali Mujbir atau tidak yang jelas (pasti) menganut ajaran sesat yang telah difatwakan oleh pihak berwajib adalah tidak sah. Walaubagaimanapun sekiranya ia bertaubat dan mengucapkan dua kalimah syahadat semula, akad nikahnya adalah sah ”.**